

Oleh SAHARUDIN MUSTHFA

**M**AMANYA mungkin agak asing bagi sebilangan besar peminat seni kerana sebelum ini pendudukan mengenaanya amat kurang biarpun penyertaannya dalam dunia seni cukup membanggakan.

Juhara Ayob, pelapis bakat seni pelakon-pelakon senior seperti Azean Irdawaty dan Fauziah Ahmad Daud, punya cara tersendiri untuk membat hati peminat seni.

Penglibatan awal dalam dunia lakonan Juhara digilap menerusi pentas teater, cabang seni yang sering diperkatakan sebagai latihan terbaik untuk melengkapkan diri dengan ilmu seni lakon.

Ketika ditemui baru-baru ini, pelakon yang berusia 25 tahun ini masih lagi sibuk dengan pementasan teater *Tanah Abang* bersama-pelakon-pelakon lain.

Bagaimanapun, anak kelahiran Kuala Pilah, Negeri Sembilan ini sempat meluangkan masa untuk berkongsi pandangan mengenai pengalaman seni yang dimilikinya.

Juhara mula melibatkan diri dalam dunia lakonan sebaik sahaja melibatkan diri sebagai artis budaya Kompleks Budaya Negara (KBN) lima tahun dahulu. Dari situ, dia mula melihat keupayaannya untuk menonjol sebagai pelakon.

"Segala-galanya bermula apabila saya menyertai KBN. Di sini saya berpeluang melihat bagaimana dunia teater berkembang. Saya dapat rasakan bidang ini mempunyai keistimewaan dan kelebihan tersendiri," jelas Juhara mengenai latar belakang seninya.

Pelajar tahun ketiga Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dalam jurusan pengajian teater ini juga berkata, selepas beberapa ketika bergaul dengan orang-orang seni di KBN, mula timbul minat di dadanya untuk menerokai dunia teater.

Pementasan pertama yang menguji kemampuannya berlakon ialah teater *Tikar Mengluang* yang dipentaskan di sekitar awal tahun 1990-an, arahan Lukman Ghani.

Persembahan pertama itu begitu meyakinkan Juhara untuk serius dengan lakonan teater di samping tidak mengabaikan tugas rasminya sebagai artis budaya di KBN.

"Selepas berlakon beberapa teater yang lain, saya mula yakin bahawa bidang ini mempunyai peluang yang cerah dan saya telah berjaya dengan diri saya untuk serius dalam lakonan teater," katanya yang sehingga kini sudah berlakon lebih 10 buah teater Melayu.

Menyadari bakat seninya mampu dikembangkan, Juhara menerima tawaran untuk berlakon sebuah drama 13 siri *Balhis* dan beberapa buah drama televisyen yang lain.

Bagi Juhara, selagi bakat seni yang ada padanya boleh dikembangkan selagi itu dia tidak akan jemu untuk berusaha berikutan minat yang mendalam dalam bidang seni.

Selepas teater *Tanah Abang*, Juhara akan berganding hahu dengan pelakon-pelakon seperti Erma Fatima, Mubarak Majid, Raja Azura, Jamaluddin Abu Hassan dan ramai lagi dalam pementasan *Anugerah* yang akan dipentaskan oleh Kumpulan Utusan dari 5 hingga 10 Oktober ini.

Dalam teater yang diadaptasi menerusi novel karya Zaharah Nawawi dan diarahkan oleh Rosminah Tahir ini, Juhara akan memegang watak Zaleha, seorang jururawat yang mempunyai hubungan dengan Hisam (lakonan Jamaluddin Abu Hassan) suami kepada Ramlah (lakonan Erma Fatima).

Janjinya kepada pengembar dan pencinta teater Melayu, dia akan memberikan sepenuh komitmen bagi memastikan mutu persembahan teater Melayu mencapai tahap yang membanggakan.

"Saya juga akan cuba mengubah persepsi sesetengah masyarakat yang memandang ringan mutu persembahan teater Melayu," katanya tegas.

**menggilap nama melalui teater**

JUHARA...  
bintang teater  
*Anugerah* yang  
dipentaskan  
oleh Kumpulan  
Utusan.

